

## PEMETAAN DIALEK KELANTAN DI SEPANJANG SUNGAI KELANTAN: SATU PENELITIAN AWAL

**Riduan Makhtar<sup>1</sup>**

[riduan@kuis.edu.my](mailto:riduan@kuis.edu.my)

**Norfazila Ab. Hamid<sup>2</sup>**

[norfazila@kuis.edu.my](mailto:norfazila@kuis.edu.my)

**Norhasliza Ramli<sup>3</sup>**

[hasliza@kuis.edu.my](mailto:hasliza@kuis.edu.my)

*Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

### ABSTRAK

Makalah ini membincangkan dan menghuraikan secara ringkas pemetaan dialek Kelantan di sepanjang susur Sungai Kelantan bermula daripada hulu ke hilir. Sebanyak lima kawasan kajian dipilih bagi menggambarkan dialek di sepanjang susur Sungai iaitu, Kampung Kuala Tuan, Kampung Limau Kasturi, Sungai Nenggiri, Kuala Krai, dan Kuala Besar. Kajian ini menggunakan dan mengaplikasikan kaedah pemetaan tradisional seperti yang dilakukan oleh Ajid Che Kob dalam kajiannya di Pasir Mas, Kelantan. Hasil dapatan kajian menunjukkan, daripada lima buah kawasan kajian yang diteliti dan dikenal pasti, Kampung Limau Kasturi menunjukkan sedikit perbezaan dalam dialek Kelantan manakala empat kawasan kampung yang lain mempunyai persamaan yang jelas antara satu sama lain. Hasil daripada penelitian yang telah dilakukan oleh pengkaji mendapati, kelainan dan keunikan yang wujud pada Kampung Limau Kasturi boleh ditanggapi sebagai idiolek iaitu variasi bahasa seseorang individu.

**Kata kunci:** *Pemetaan, idiolek, susur, tradisional, sungai*

### PENGENALAN

Negeri Kelantan Darul Naim atau nama singkatan ialah Kelantan merupakan salah sebuah negeri daripada 13 negeri yang terdapat di Malaysia. Negeri Kelantan terletak di pantai timur Semenanjung Malaysia bersempadan dengan negeri Terengganu, Pahang, Perak, dan negara Thailand yang mempunyai keluasan 14, 922 km<sup>2</sup> dan kedudukannya berhadapan dengan Laut

---

<sup>1</sup> Riduan Makhtar (MA Linguistik, FSSK, UKM) ialah Pensyarah di Unit Bahasa Melayu, Jabatan Kenegaraan & Pengajian Ketamadunan, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Beliau telah berkhidmat di KUIS selama 9 tahun. Pengkhususan beliau ialah dalam bidang Dialektologi.

<sup>2</sup> Norfazila Ab. Hamid (PhD Linguistik, FSSK, UKM) ialah Pensyarah Kanan di Unit Bahasa Melayu, Jabatan Pengajian Peradaban & Ketamadunan, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Beliau telah berkhidmat di KUIS selama 14 tahun. Kini beliau diberikan amanah untuk menjawat jawatan sebagai Dekan, Pusat Pengajian Teras, KUIS dari tahun 2017 hingga kini. Kepakaran beliau ialah dalam bidang Dialektologi & Linguistik Bandingan.

<sup>3</sup> Norhasliza Ramli (MA Linguistik, FSSK, UKM) ialah Pensyarah di Unit Bahasa Melayu, Jabatan Kenegaraan & Pengajian Ketamadunan, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Beliau telah berkhidmat di KUIS selama 15 tahun. Pengkhususan beliau ialah dalam bidang Analisis Wacana.

China Selatan. Negeri Kelantan merupakan salah satu daripada 13 negeri yang terdapat di dalam Persekutuan Malaysia.

Mengikut catatan oleh Abdul Razak Mahmud (2015) di dalam bukunya bertajuk *Iktisar Sejarah Kelantan* menjelaskan, Negeri Kelantan terletak di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu dengan garis bujur 101 darjah 19 minit dan 102 darjah 37 minit di timur. Kedudukannya yang bersempadan di sebelah timur dengan Terengganu, di sebelah selatan dengan negeri Pahang, di sebelah barat dengan negeri Perak dan Selatan Thai (dahulunya negeri Legeh dan Reman) manakala di sebelah utara ialah pantai Laut China Selatan yang memiliki kepanjangan 78.4 kilometer. Keluasan negeri Kelantan kira-kira 14, 922 kilometer persegi atau 1,492,200 hektar.

Sehingga tahun 2010, negeri Kelantan dibahagikan kepada 11 buah jajahan dan 65 buah daerah. Setiap jajahan diketuai oleh seorang Ketua Jajahan manakala pada setiap daerah diketuai oleh seorang penggawa. Sebelas buah jajahan tersebut ialah, Kota Bhar, Pasir Puteh, Pasir Mas, Bachok, Machang, Tumpat, Tanah Merah, Kuala Krai, Jeli, Gua Musang, dan Jajahan Kecil Lojing<sup>4</sup>. Jajahan yang memiliki keluasan yang paling besar ialah Gua Musang iaitu seluas 8,104 kilometer persegi manakala jajahan yang paling kecil ialah Jajahan Tumpat iaitu seluas 168 kilometer persegi.

Pada setiap jajahan terdapat unit-unit pentadbiran yang lebih kecil yang dipanggil daerah. Terdapat 65 buah daerah di seluruh negeri Kelantan. Setiap kawasan daerah ini diketuai oleh seorang Penggawa (dahulunya dipanggil *Tok Kweng*) yang bertanggungjawab kepada Ketua Jajahan masing-masing. Sebanyak 65 jajahan yang terdiri daripada 65 orang penggawa akan membentuk 11 jajahan dan seterusnya menghasilkan sebuah negeri.

Mengikut 'Dictionary of Linguistics' dialek boleh ditakrifkan sebagai "*A specific of a given language, spoken in a certain locality or geographic area showing sufficient differences from the standard or literary form of that language, as to the pronunciation, grammatical construction and idiomatic usage of words to be considered a distinctly yet not sufficiently distinct from other dialects of the language to be regarded as a different language.*" Manakala Ajid Che Kob (1985) telah menegaskan dialek sebagai satu bentuk percakapan yang berupa tempatan yang terhad kepada kawasan-kawasan tertentu.

Kedudukan negeri Kelantan yang bersempadan dengan Selatan Thailand menjadikan dialek Kelantan memiliki persamaan dan pertalian yang rapat dengan dialek yang dituturkan oleh penduduk di Selatan Thai.

---

<sup>4</sup> Jajahan Lojing ditubuhkan pada 5 Ogos 2010 dan telah dirasmikan oleh TYM Tengku Muhammad Faris Petra, Pemangku Sultan Kelantan (sekarang DYMM Sultan Muhammad V). Jajahan Lojing memiliki keluasan 181,700 hektar yang memiliki jumlah penduduk seramai 8,286 orang. Kedudukannya terletak di dalam Jajahan Gua Musang dan mengandungi 3 buah mukim iaitu Mukim Betis, Mukim Hau, dan Mukim Sigar dalam daerah Penggawa Galas.



Peta 1: Sungai Kelantan

## PERNYATAAN MASALAH DAN OBJEKTIF KAJIAN

Telah wujud banyak kajian yang dilakukan terhadap dialek Kelantan oleh pengkaji-pengkaji lalu baik dari dalam mahupun luar negara. Namun begitu, terdapat kelompangan yang masih belum terisi oleh pengkaji-pengkaji lalu dalam meneliti dialek Kelantan di sepanjang susur Sungai Kelantan.

Setiap penelitian yang dilakukan mestilah bergerak di atas tujuan atau objektif yang jelas. Terdapat dua fokus utama kajian ini iaitu; menghuraikan fonologi dialek Kelantan di lima kawasan kajian dan membuat pemetaan dialek Kelantan di sepanjang susur Sungai Kelantan.

## SOROTAN LITERATUR

Dalam usaha menanggapi pemetaan dialek Kelantan di sepanjang susur Sungai Kelantan, beberapa sorotan kajian lalu dikupas bagi mencari ruang kelompangan yang boleh di isi oleh

pengkaji. Antara pengkaji lalu yang dilihat antaranya Jeanne Cuisinier (1936), Ismail Hussein (1973), dan Ajid Che Kob (1985).

Antara pengkaji terawal yang telah membuat penelitian terhadap dialek Kelantan adalah Jeanne Cuisinier (1936) yang merupakan penyelidik Barat pertama dari Perancis. Kajian beliau menunjukkan terdapat unsur-unsur Thai dalam bahasa tempatan iaitu dialek Kelantan. Hal ini berlaku kerana faktor geografi di antara Kelantan dan Thailand mempunyai jarak pemisah politik yang sangat rapat. Keadaan ini akan mewujudkan keadaan saling pengaruh mempengaruhi antara bahasa Thai dan dialek Kelantan.

Ismail Hussein (1973) melihat kepada kedudukan dialek-dialek Melayu di Semenanjung Malaysia. Rencana yang ditulis oleh beliau memberi kesan pertama tentang kedudukan dialek-dialek Melayu di Semenanjung hasil daripada kajian lapangan yang telah dibuat oleh beliau. Di dalam makalahnya, beliau telah menyatakan perbezaan sintaksis di antara dialek-dialek tidaklah penting, yang lebih penting ialah perbezaan morfologi dan intonasi. Banyak imbuhan-imbuhan di dalam Bahasa Melayu Umum tidak terdapat di dalam dialek, dan ini kadang-kadang diganti dengan imbuhan-imbuhan lain.

Kajian yang dilakukan oleh Ajid Che Kob pula telah dilakukan pada tahun 1985. Beliau telah membuat pemetaan terhadap dialek Kelantan di Daerah Pasir Mas yang meliputi 10 daerah atau kawasan kajian iaitu Rantau Panjang, Kangkong, Chetok, Kubang Sepat, Bunut Susu, Kubang Gadong, Pasir Mas, Alor Pasir, Hual Periok, dan Kuala Lemal. Setiap daerah yang di pilih mempunyai beberapa buah kampung yang akan mewakili dialek bagi setiap daerah. Hasil dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa terdapat 8 fonem vokal dan 20 jenis fonem konsonan yang dibahagikan kepada tiga kedudukan iaitu awal, tengah dan akhir kata.

Dapat disimpulkan bahawa, dapatan kajian-kajian lalu masih lagi mempunyai ruang-ruang yang boleh diisi oleh pengkaji dalam beberapa bentuk. Antara kelompangan yang boleh diisi oleh pengkaji adalah dari aspek pemetaan dialek di sepanjang susur Sungai Kelantan yang masih lagi belum dilakukan oleh pengkaji lepas secara menyeluruh. Walaupun ada kajian pemetaan yang telah dilakukan oleh Ajid Che Kob (1985), namun kajian ini hanya khusus kepada daerah Pasir Mas sahaja dan tidak pula meliputi keseluruhan susur Sungai Kelantan seperti yang telah dicadangkan oleh pengkaji dan telah diangkat menjadi objektif penulisan ini.

## **KERANGKA TEORI**

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan struktural dan pemetaan dalam menganalisis data kajian. Sebanyak lima buah kawasan kajian yang diteliti iaitu Kampung Kuala Tuan, Kampung Limau Kasturi, Sungai Nenggiri, Kuala Krai dan Kuala Besar. Kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji menggunakan pendekatan struktural. Pendekatan ini diperkenalkan oleh Leonard Bloomfield dalam bukunya *language* pada tahun 1933. Pendekatan yang digunakan ini adalah wajar kerana bertepatan dengan tujuan kajian yang dikemukakan oleh pengkaji. Dialektologi Struktural bermula pada tahun 1954, apabila terbitnya satu makalah yang bertajuk '*Is a structural dialectology possible?*' yang dikarang oleh Uriel Weinreich. Tajuk ini mencabar kerana pada masa itu ahli-ahli bahasa lebih cenderung berpegang pada pendapat bahawa sesuatu sistem bahasa hendaklah dikaji secara berasingan tanpa merujuk pada sistem-sistem lain. Sistem fonemik bagi sesuatu ragam bahasa dikaji dengan berdasarkan satu prinsip yang terkenal iaitu penyebaran bunyi yang melengkapi, keserupaan bunyi, dan kewujudan pasangan-pasangan minimal bagi ragam yang dikaji.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kaedah dalam kajian bahasa terbahagi kepada dua pecahan iaitu kaedah kajian kualitatif dan kaedah kajian kuantitatif. Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Penulis telah membahagikan pengkajian ini kepada dua pecahan iaitu kajian kepustakaan dan kajian lapangan atau boleh juga dipanggil penyelidikan hulu (upstream research). Kajian kepustakaan bertujuan untuk mendapat gambaran awal tentang masyarakat dan kawasan kajian, meneliti kosa ilmu yang berkaitan kajian dan mereka bentuk kajian, iaitu membina atau memilih soal selidik yang sesuai.

Kajian kepustakaan merujuk kepada usaha pengkaji meneroka, memperoleh dan memanfaatkan maklumat-maklumat penting yang relevan dengan kajian pengkaji dari sumber-sumber tertentu misalnya perpustakaan arkib dan muzium. Kajian kepustakaan memainkan peranan yang sangat penting dalam sesebuah kajian. Dalam proses menyiapkan kajian ini, kajian kepustakaan sangat berguna dalam konteks mendapatkan maklumat berhubung kajian-kajian lepas, teori dan metodologi kajian lapangan. Rujukan dibuat bagi mendapatkan garis panduan, pengertian, fakta, dan kefahaman bagi setiap istilah yang diperlukan. Rujukan kajian lepas yang mempunyai hubungan dengan dialektologi juga dibuat bagi sebagai panduan kepada pengkaji khususnya yang berkaitan dengan dialek Kelantan.


Menurut Asmah Hj Omar (2008), kajian lapangan memerlukan kriteria-kriteria penting bagi mendapatkan maklumat dan data yang baik seperti cara merakam, pengumpulan data dan mengumpul kata. Selain itu, reka bentuk sesebuah kajian dialek geografi memerlukan pengumpulan data lapangan. Sesuatu data bahasa yang alamiah sangat utama iaitu tidak boleh dibuat-buat. Data bahasa yang utama ini diuji dengan penutur asal bahasa atau dialek tersebut. Walaupun data itu telah menunjukkan hasil seperti yang diharapkan oleh pengkaji, data tersebut perlu diselaraskan dengan pemakaian bahasa oleh orang lain dalam masyarakat bahasa yang sama agar datanya sah (Azlan Mis, 2014).

Kajian lapangan terbahagi kepada dua bahagian iaitu kajian lapangan hulu dan kajian lapangan hiliran. Kajian luar pula dalam pengertian umum merujuk kepada apa sahaja penyelidikan yang dilakukan oleh seseorang di luar kongkongan fizikal, tempat, atau ruang seperti di luar bilik, di luar pejabat, di luar kampus, di luar negeri, dan sebagainya. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji bersifat hulu iaitu kajian ini dilakukan di kawasan-kawasan kampung atau pedalaman. Penyelidikan ini juga bersifat hulu kerana kajian dilakukan di sepanjang Sungai Kelantan.

## **PERBINCANGAN**

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji telah mengambil lima kawasan kajian yang dianggap mewakili susur Sungai Kelantan daripada hulu yang bermula di Gua Musang dan berakhir di hilir iaitu Muara Sungai Kelantan. Lima kawasan atau titik pilihan pengkaji tersebut adalah Kampung Kuala Tuan, Kampung Limau Kasturi, Sungai Nenggiri, Kuala Krai, dan Kuala Besar. Pemilihan kawasan ini adalah berdasarkan penelitian jarak kawasan dari Sungai Kelantan dan juga yang paling penting berdasarkan sejarah.

Peta 2: Penyebaran dan kesejajaran “belakang” [blAkE] dan [blAkAN]



Kesejajaran:		
1	●	[blAkE]
2	▲	[blAkAN]

Petunjuk:			
	Sungai		Sempadan negeri / negara
	Jalan raya		

Merujuk kepada peta 2 di sebelah, terdapat lima titik yang ditanda bagi mewakili kelima-lima kawasan kajian. Empat titik kajian mempunyai tanda yang sama manakala satu tanda adalah tidak sama. Empat tanda yang sama tersebut ialah Kampung Kuala Tuan, Sungai Nenggiri, Kuala Krai dan Kuala Besar. Manakala satu titik yang tidak sama itu adalah Kampung Limau Kasturi. Perbezaan ini adalah berlaku kerana fonem bagi kawasan Kg. Limau Kasturi (KLIK) yang berada dalam Daerah Gua Musang yang menunjukkan kehadiran sengau lelangit lembut [N] pada kedudukan akhir kata.

Hal ini bertentangan dengan dapatan kajian-kajian lalu oleh Ajid Che Kob (1985). Menurut beliau, sengau lelangit lembut [N] tidak menunjukkan kehadiran pada akhir kata dan hanya menunjukkan kehadiran pada posisi awal dan tengah kata sahaja. Namun begitu, berbeza pula dengan Kampung Limau Kasturi yang memaparkan kehadiran [N] dalam sesetengah kata. Contoh pada peta 2 bagi perkataan “belakang” akan menghasilkan dua sebutan iaitu [blAkE] dan [blAkN]. Dapat disimpulkan di sini bahawa, kelima-lima kawasan kajian menunjukkan kehadiran fonem vokal dan konsonan yang sama iaitu terdapat 6 fonem vokal serta 20 fonem konsonan iaitu fonem vokal

## RUMUSAN

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan menunjukkan bahawa, dialek Kelantan di sepanjang susur Sungai Kelantan mempunyai 6 fonem vokal dan 20 fonem konsonan yang menempati pada ketiga-tiga kedudukan dalam kata iaitu awal, tengah, dan akhir kata. Manakala, daripada lima titik tinjauan yang dilakukan di Kampung Kuala Tuan, Kampung Limau Kasturi, Sungai Nenggiri, Kuala Krai, dan Kuala Besar, hanya Kampung Limau Kasturi sahaja yang menunjukkan sedikit kelainan. Pengkaji telah mengklasifikasikan kelainan ini sebagai idiolek iaitu kelainan dialek yang berlaku pada seseorang individu. Bagi empat kawasan pula, keempat-empat kawasan tersebut mempunyai persamaan yang jelas antara satu sama lain.

## RUJUKAN

- Ajid Che Kob. 1985. *Dialek Geografi Pasir Mas*. Monograf 3, Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adi Yasran Abdul Aziz. 2005. *Inventori Konsonan Dialek Melayu Kelantan: Satu Penilaian Semula*. Jurnal Pengajian Melayu.
- Asmah Hj. Omar. 2015. *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. 1997. *Kamus Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ajid Che Kob. 1985. *Dialek Geografi Pasir Mas*. Monograf 3, Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Hj. Omar. 2015. *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayatrohaedi. 1979. *Dialektologi Sebuah Pengantar*. Pusat Pembinaan Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Jakarta.
- J. K Chambers & Peter Trudgill. 1990. *Dialektologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

J. K Chambers & Peter Trudgill. 1990. *Dialektologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.